



MAJLIS DAERAH PENDANG

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA

BILA DIKUATKUASA/EDISI GARIS PANDUAN

APRIL 2021

1. PENGENALAN/LATAR BELAKANG

Garis panduan yang dibentangkan ini adalah merupakan **garis panduan baru** bagi kegunaan Bahagian Bangunan Majlis Daerah Pendang sebagai rujukan asas dalam menimbang permohonan-permohonan permit sementara atau pemajuan yang diberikan secara sementara. Garis panduan bangunan sementara ini disediakan dengan mengambil kira aspek keperluan semasa mahupun peruntukan undang-undang sedia ada.

2. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGETAHUAN PERMIT BANGUNAN SEMENTARA

- Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- Akta Jalan, Parit, Dan Bangunan 1974 (AKTA 133)

3. OBJEKTIF PERMIT

Mengawalselia aktiviti pembangunan agar tidak mendatangkan kacauanggu atau kesan sampingan kepada kawasan persekitaran

4. MAKLUMAT PEGAWAI/JABATAN UNTUK DIHUBUNGI

Bahagian Bangunan, Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Pendang

5. KETERANGAN

Cadangan di atas tanah individu/syarikat/pemaju/rizab kerajaan/LPS :

- Bangsal (Gerai Makanan / Restoran / Medan Selera)
- Bangsal (Perniagaan Perabot)
- Bangsal (Pameran Jualan Kenderaan)
- Bangsal (Mencuci Kenderaan)
- Bangsal (Bengkel Kenderaan Ringan)
- Bangsal (Dewan terbuka Swasta)
- Bangsal (Gelanggang Sukan swasta)
- Bangsal (Stor simpanan pertanian)
- Bangsal (Tapak Semaian)
- Tempat Simpanan/Meletak Kenderaan
- Tempat letak kenderaan di bawah talian rentis elektrik
- Rumah pekerja di tapak pembinaan
- Rumah contoh
- Pondok Pengawal
- Galeri jualan
- Struktur menara pemancar/telekomunikasi
- Struktur sementara ‘*rain shelter*’ atau lain-lain seumpamanya
- Papan iklan luar (billboard / unipole).
- Lain-lain aktiviti perniagaan / perkhidmatan / kemudahan yang berstruktur bangsal/kontena bukan maksud untuk tujuan perindustrian.

6. MAKLUMAT SEKATAN (JIKA BERKAITAN)

7. SIAPA YANG BOLEH MOHON/KELAYAKAN PEMOHON/SYARAT ASAS PERMOHONAN

Berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 di bawah tajuk: Pengemukaan Pelan-Pelan Untuk Kelulusan Bahagian II perkara 3(2) bahawa tiap-tiap pelan, lukisan atau kiraan berkenaan dengan sesuatu bangunan hendaklah dikemukakan oleh orang berkelayakan.

8. BILA PERLU DIPOHON

Permit yang dikeluarkan adalah sah untuk tempoh tahun semasa sahaja berakhir 31 Disember. Laporan pemeriksaan tapak dibuat semula untuk lanjutan permit bagi tahun yang berikutnya bermula 1 Januari.

9. KAEADAH PERMOHONAN

Semua permohonan baharu mestilah melalui sistem OSC 3 Plus Online dan Kaunter OSC Majlis Daerah Pendang

10. PIAGAM PELANGGAN

Tempoh pemprosesan : 33 hari dari tarikh terima dalam sistem OSC 3 Plus Online

11. SYARAT-SYARAT/KEPERLUAN PEMATUHAN SEBELUM PERMOHONAN

Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 memperuntukkan:


70. Notis mengenai bangunan baharu,

- (1) Tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan

12. SYARAT-SYARAT/KEPERLUAN PEMATUHAN SELEPAS PERMOHONAN (JIKA BERKAITAN)

Undang-undang kecil bangunan 1984 dalam jadual 1 menetapkan bahawa bayaran permit bagi bangunan sementara perlu dijelaskan pada 1hb Januari setiap tahun oleh pemilik bangunan

13. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN



14. BORANG PERMOHONAN & SENARAI DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN (CHECK LIST) SEMASA PERMOHONAN

BIL.	DOKUMEN	CATATAN
1.	SURAT PERMOHONAN RASMI	
2.	1 SET PELAN PERMOHONAN MENGANDUNGI :- <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Susunatur (format sebagaimana Pelan Kebenaran Merancang) • Pelan Bangunan Sementara lengkap (pelan kunci, lokasi, tapak, lantai, bumbung, sisi dan tampak, pelan skematik). 	
3.	PELAN UKUR TANAH / PELAN KONTUR DAN PERINCIAN	
4.	BORANG PERMIT SEMENTARA	
5.	BAYARAN WANG PROSES PERMIT SEMENTARA	
6.	BAYARAN PERMIT SEMENTARA	
7.	BAYARAN DEPOSIT	
8.	GERAN/SURAT HAKMILIK/SURAT PERSETUJUAN BANK/PERJANJIAN JUAL BELI/SIJIL CARIAN RASMI (Gadaian/ Caveat atau Perjanjian Penswastaan)	
9.	RESIT CUKAI TAKSIRAN (Resit Cukai Semasa)	
10.	RESIT BAYARAN CUKAI TANAH / CUKAI PETAK (Resit Cukai Semasa)	
11.	LAPORAN RINGKASAN PROJEK DAN PERINCIAN	
12.	DOKUMEN DAFTAR TUBUH SYARIKAT [Memorandum dan Artikel (M&A), Form 24 dan Form 49 beserta surat penurunan kuasa menandatangani pelan dan dokumen sekiranya penama yang menandatangani dokumen tiada dalam form 49A serta salinan kad pengenalan]	
13.	DOKUMEN TAMBAHAN LAIN-LAIN <ul style="list-style-type: none"> • Salinan surat sokongan lot berjiran bersempadan / lot berjiran seberang jalan (jika berkaitan) • Kebenaran laluan (jika melibatkan tanah individu lain) • Salinan bukti bayaran di Pejabat Tanah bagi Permit Khas / Permit Ruang Udara (jika berkaitan) • Surat Permit Daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) – (jika berkaitan) 	

15. MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

BIL	ITEM	FI(RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Fi Proses	RM 14.00/9m ² (binaan tertutup) RM 7.00/9m ² (binaan terbuka)	
	Pemasangan peralatan sanitari i. Wc ii. Bilik Air iii. Basin/Sinki iv. Tangki Septik v. Long bath vi. Shower vii. Urinal	RM 5.00/nos RM 5.00/nos RM 3.00/nos RM 25.00 seunit RM 5.00/nos RM 5.00/nos RM 5.00/nos	OSC 3 PLUS ONLINE
2	Deposit i. Kilang ii. Bangunan Sesebuah	RM 5,000.00 RM 500.00	
3.	Bayaran Permit	RM 10.00/9m ² . Minimum RM100.00	Cek / Bayaran Kaunter

16. KAEADAH MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN/OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

Pemohon akan dimaklumkan melalui OSC 3 Plus Online dan melalui surat rasmi (pembayaran permit perlu dijelaskan selepas kelulusan dikeluarkan)

17. MAKLUMAT PEMBAHARUAN/PINDAAN/PEMBATALAN (JIKA BERKAITAN)

Pemohon akan dimaklumkan melalui OSC 3 Plus Online dan melalui surat rasmi.

18. RUJUKAN YANG BERKAITAN

- Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984
- Akta Jalan, Parit, Dan Bangunan 1974 (AKTA 133)